EVOLUSI DEKAD 7

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة قوستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

JULAI

2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

SESI 1 STAF 1 PERKONGSIAN :
MENYINGKAP SEJARAH, SKALA MEGA & SPEKTAKEL BOLA SEPAK TERBESAR ABAD INI

15 Julai 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran

DUNGUN, 15 Julai –Bahang kejohanan bola sepak terbesar dunia telah menyemarakkan suasana Perpustakaan Cendekiawan menerusi penganjuran program "Sesi 1 Staf 1 Perkongsian" bertajuk "Demam Piala Dunia 2026: Menyingkap Sejarah, Skala Mega & Spektakel Bola Sepak Terbesar Abad Ini" pada 15 Julai 2026. Program dua jam yang berlangsung di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE) ini mengetengahkan dua staf perpustakaan sebagai penceramah, iaitu Encik Wan Mohd Harith Wan Mohd Solah (Pembantu Pustakawan) dan Puan Rohaya Razali (Pembantu Pustakawan Kanan). Menerusi sesi ini, para peserta disajikan dengan perkongsian ilmiah mengenai lipatan sejarah, evolusi kejohanan, serta skala penganjuran dan impak global Piala Dunia 2026 terhadap komuniti antarabangsa.

Bagi menghidupkan suasana, pengisian program diteruskan dengan sesi kuiz interaktif secara berkumpulan bagi menguji kefahaman para peserta terhadap topik yang disampaikan. Kemuncak program menyaksikan kemeriahan aktiviti fizikal santai menerusi pertandingan "*Score The Goal*" yang berjaya memupuk semangat kerja berpasukan dan persaingan sihat. Syabas dan tahniah diucapkan kepada para pemenang serta seluruh peserta atas komitmen dan keterujaan yang ditunjukkan, sekali gus membuktikan peranan perpustakaan sebagai wadah pembelajaran santai yang dinamik.



Gambar sekitar perkongsian berlangsung

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI